

DR. M AMBIL AMINUDDIN BAKI

20 OCT 1990

Oleh
Munir Ghazali

YAB Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah diakui oleh keluarga Allahyarham Aminuddin Baki sebagai seorang pemimpin yang mengambil berat terhadap kebajikan anak - anak Allahyarham sejak tokoh pendidik itu meninggal dunia hampir 25 tahun yang lalu.

Bagaimanapun, menurut Haji Ahmad Kamil, Perdana Menteri tidak pernah menghebahkan bantuan dan sokongan yang diberikannya itu.

Menurut Haji Ahmad Kamil lagi, Dr. Mahathir pernah menyumbangkan bantuan dari wangnya sendiri berjumlah \$10,000 kepada anak kedua Allahyarham, Aminuddin Adnan Aminuddin yang menghadapi masalah kewangan ketika memulakan pengajiannya di Universiti Northrop, Amerika Syarikat.

Sokongan Perdana Menteri itu memberikan semangat yang tinggi kepada Adnan sehingga berjaya menamatkan pelajarannya di bidang kejuruteraan awam dan kini berkhidmat di salah sebuah syarikat penerbangan di Amerika Syarikat.

Haji Ahmad Kamil yang bertugas sebagai Ketua Penolong Pengarah Social Ekonomi Research Unit atau ringkasnya SERU mengakui tanpa sokongan moral dan material dari Perdana Menteri pasti anak - anak Allahyarham akan terus diabaikan.

"Negara mengakui akan ketokohan Aminuddin Baki sebagai seorang tokoh pendidik, tapi apakah dengan pengakuan saja, anak - anak Allahyarham akan terjamin hidupnya," tambah Haji Ahmad Kamil lagi.

Beliau juga mengakui Dato' Megat Junid, Timbalan Menteri Dalam Negeri juga turut memberikan bantuan, malah sokongan beliaulah yang telah mendorong Perdana Menteri menghulurkan bantuannya.